



KitaPrihatin

Kerangka Inisiatif Tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

SOALAN LAZIM MENGENAI PERMOHONAN BAHARU BANTUAN PRIHATIN NASIONAL 2.0 (BPN 2.0) BAGI GOLONGAN B40 & M40

A. PERMOHONAN BAHARU BPN 2.0

1. Bilakah tarikh permohonan baharu BPN 2.0 dibuka?

Permohonan baharu BPN 2.0 dibuka mulai **15 Oktober - 15 November 2020 (1 bulan)**.

2. Bagaimanakah cara untuk memohon BPN 2.0?

Permohonan BPN 2.0 boleh dibuat melalui

- i. Dalam talian **<https://bpn.hasil.gov.my>**; atau
- ii. Penghantaran borang manual ke Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / UTC LHDNM.
Borang permohonan boleh dimuat turun di portal **<https://bpn.hasil.gov.my>**.

3. Siapakah yang layak membuat permohonan baharu untuk BPN 2.0?

Pemohon yang layak membuat permohonan baharu BPN 2.0 adalah **bukan penerima BPN 2020 sebelum ini** dan memenuhi syarat kelayakan seperti berikut:

i. Kategori BPN 2.0 B40

- a) Isi Rumah
 - Kahwin; atau
 - Ibu atau Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai anak; dan
 - Pendapatan Isi Rumah adalah RM4,000 dan ke bawah.
- b) Bujang
 - Bujang atau Balu / Janda / Duda yang tidak mempunyai anak; dan
 - Had umur adalah 21 tahun dan ke atas termasuk kategori warga emas (60 tahun dan ke atas); dan
 - Pendapatan Bujang adalah RM2,000 dan ke bawah.
- c) Penerima merupakan warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia.

ii. Kategori BPN 2.0 M40

- a) Isi Rumah
 - Kahwin; atau
 - Ibu atau Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai anak; dan
 - Pendapatan Isi Rumah bulanan adalah RM4,001 hingga RM8,000.

b) Bujang

- Bujang atau Balu / Janda / Duda yang tidak mempunyai anak; dan
- Had umur adalah 21 tahun dan ke atas termasuk kategori warga emas (60 tahun dan ke atas); dan
- Pendapatan bulanan adalah RM2,001 hingga RM4,000.

c) Penerima merupakan warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia.

4. **Apakah dokumen yang diperlukan semasa membuat permohonan baharu BPN 2.0?**

Pemohon tidak perlu mengemukakan sebarang dokumen sokongan semasa permohonan. Kesemua permohonan akan disemak berdasarkan data agensi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

B. PEMBAYARAN PERMOHONAN BAHARU BPN 2.0

5. **Berapakah bayaran BPN 2.0 yang akan diterima?**

Jumlah bayaran yang akan diterima adalah seperti berikut:

Kategori		Pendapatan	Jumlah
Isi Rumah	B40	RM4,000 dan ke bawah	RM1,000
	M40	RM4,001 – RM8,000	RM600
Bujang	B40	RM2,000 dan ke bawah	RM500
	M40	RM2,001 – RM4,000	RM300

6. **Bilakah tarikh pembayaran permohonan baharu BPN 2.0 akan dibuat?**

Pembayaran bagi permohonan baharu BPN 2.0 akan dibuat secara **sekaligus pada Januari 2021**.

7. **Bagaimanakah kaedah bayaran BPN 2.0 ini dilaksanakan?**

Pembayaran BPN 2.0 adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Kaedah bayaran
i.	Ada akaun bank:	
	• Berjaya kredit	Kredit ke akaun bank
	• Gagal kredit (akaun tidak aktif dan akaun tutup)	Tuntutan Tunai di Cawangan BSN
ii.	Tiada akaun bank	Tuntutan Tunai di Cawangan BSN

C. SEMAKAN STATUS

8. **Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terlupa kata laluan semasa log masuk Portal BPN dan juga gagal menjawab soalan keselamatan yang disediakan?**

Pemohon perlu menunggu 10 minit untuk mencuba semula menjawab soalan keselamatan. Jika masih terlupa pemohon diminta untuk menghubungi talian LHDNM Hasil Care Line (HCL) di talian 03- 89111000 (bagi tindakan set semula akaun dan soalan keselamatan) atau hubungi Cawangan / PKH / UTC LHDNM yang berhampiran.

D. HAL-HAL LAIN

9. **Jika pemohon Bujang berstatus Pelajar Sepenuh Masa, adakah layak menerima BPN 2.0?**

Pemohon Bujang yang berstatus pelajar sepenuh masa adalah **tidak layak** menerima BPN 2.0.

10. **Adakah pemohon Bujang/Isi Rumah berstatus Pelajar Separuh Masa layak menerima BPN 2.0?**

Pemohon Bujang/Isi Rumah yang berstatus pelajar separuh masa adalah layak memohon BPN 2.0 sekiranya menepati syarat kelayakan.

11. **Bagaimanakah kaedah pembayaran BPN 2.0 bagi penerima pedalaman di Negeri Sabah dan Sarawak?**

Kaedah pembayaran bagi penerima kawasan pedalaman Negeri Sabah dan Sarawak yang tiada akaun bank akan bermula bulan Januari 2021 dengan bayaran tunai dibuat di lokasi-lokasi yang bakal diumumkan kelak.

12. **Adakah pendapatan isi rumah yang diambil kira termasuk elaun yang dikenakan cukai dan bonus?**

Ya, semua pendapatan yang diterima diambil kira sebagai pendapatan.

13. **Siapakah yang akan menerima bayaran bantuan BPN 2.0 sekiranya suami dan isteri kedua-duanya mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) ?**

- i. Sekiranya pembayar cukai memilih taksiran berasingan, bayaran akan dibuat ke akaun bank ketua keluarga.
- ii. Jika pembayar cukai memilih taksiran bersama, bayaran akan dibuat ke akaun bank pembayar cukai berkenaan.

14. **Adakah warga emas sebatang kara akan menerima bantuan sebagai isi rumah?**

Warga emas sebatang kara berumur 60 tahun akan menerima bantuan sebagai bujang.

- 15. Saya merupakan bujang yang akan memasuki umur 21 tahun pada tahun 2021. Sekiranya saya belum cukup umur 21 tahun semasa permohonan dibuka, adakah saya layak memohon?**

Pemohon yang layak memohon adalah pemohon yang lahir pada tahun 1999 dan ke bawah.

- 16. Bilakah permohonan baharu BPN 2.0 akan diproses?**

Permohonan baharu BPN 2.0 akan diproses selepas tempoh permohonan ditutup dan jika diluluskan akan menerima bayaran bantuan BPN 2.0 sekaligus pada Januari 2021.

- 17. Saya adalah bujang dan menanggung adik-beradik di bawah umur 21 tahun. Adakah saya layak memohon bantuan sebagai isi rumah mempunyai tanggungan?**

Tidak layak memohon sebagai isi rumah. Pemohon layak menerima bantuan kategori bujang sahaja.

- 18. Sebelum ini saya telah memilih untuk menolak BPN 2020, adakah saya boleh memohon BPN 2.0?**

Anda boleh mengemukakan permohonan baharu melalui Portal Rasmi BPN, <https://bpn.hasil.gov.my>.

- 19. Saya telah menerima bayaran BPN 2020 sebelum ini dan ingin menolak BPN 2.0. Bagaimanakah cara untuk memulangkan bayaran BPN 2.0?**

Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- a) Anda dinasihatkan mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan Malaysia dengan menyatakan nama penuh, nombor MyKad dan sebab pemulangan;
- b) Lampirkan draf bank / cek atas nama **Akauntan Negara Malaysia** (mengikut jumlah pemulangan); dan
- c) Surat dan draf bank / cek perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut:

**Pejabat Belanjawan Negara
Kementerian Kewangan Malaysia
Presint 2, 62592 Putrajaya.**

- 20. Sekiranya saya diisytiharkan muflis dan akaun yang saya daftarkan sebelum ini telah dibekukan, bagaimanakah saya boleh mendapatkan bayaran BPN 2.0?**

Pemohon yang berstatus muflis perlu menandakan sebagai individu muflis di dalam borang permohonan. Pemohon tidak diwajibkan mengisi maklumat akaun bank semasa permohonan. Kaedah penunaian adalah berdasarkan prosedur sedia ada iaitu penunaian di Cawangan BSN.

Bagi pemohon yang telah dibayar ke akaun yang dibekukan oleh Jabatan Insolvensi, pemohon perlu merujuk kepada Jabatan Insolvensi bagi kelulusan pengeluaran BPN.

21. Saya adalah penerima BPN 2020 di bawah kategori Bujang dan telah berkahwin. Adakah saya layak untuk menerima BPN 2.0 kategori isi rumah?

Anda boleh mengemukakan permohonan/rayuan di bawah kategori Isi Rumah sekiranya menepati syarat kelayakan.

22. Saya adalah pasangan kepada penerima BPN 2020 sebelum ini di bawah kategori Isi Rumah dan telah bercerai. Adakah saya layak untuk menerima BPN 2.0 kategori ibu / bapa tunggal?

Anda boleh mengemukakan permohonan/rayuan kategori ibu / bapa tunggal sekiranya menepati syarat kelayakan.

23. Saya berstatus kahwin dan mempunyai anak, adakah wajib saya melaporkan anak di dalam borang permohonan?

Tidak wajib melaporkan anak.

24. Saya membuat permohonan baharu dan nama penuh telah dipaparkan secara automatik oleh sistem. Namun semakan mendapati nama yang tertera terdapat kesilapan ejaan atau berbeza. Adakah pembedulan nama boleh dibuat?

Pembedulan nama tidak perlu dibuat. Sistem memaparkan nama berdasarkan maklumat seperti MyKad.

25. Ketua keluarga yang merupakan warganegara telah meninggal dunia. Balu merupakan bukan pemegang MyKad tetapi mempunyai anak yang merupakan warganegara (di bawah umur 18 tahun). Adakah balu tersebut boleh membuat permohonan BPN 2.0?

Pemohon BPN 2.0 mestilah warganegara Malaysia dan menetap di Malaysia. Oleh itu, balu berkenaan tidak layak membuat permohonan BPN 2.0 walaupun mempunyai tanggungan yang merupakan warganegara.

Kemaskini: 24 September 2020